

Abdullah, Nor Mohamed dipilih 'Menteri Kewangan Terbaik Di Asia'

um - 5/10/2004: 2 Perdana

WASHINGTON, 4 Okt. — Majalah *The Emerging Markets* memilih Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yacop sebagai 'Menteri Kewangan Terbaik Di Asia' bagi tahun 2004.

Majalah kewangan antarabangsa itu yang banyak diedarkan semasa mesyuarat tahunan Bank Dunia/Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di sini daripada 1 hingga 3 Oktober, memberikan anugerah tersebut kepada Abdullah dan Nor Mohamed di atas kejayaan mereka memulihkan ekonomi Malaysia dan menjadikannya sebagai satu daripada negara yang mencatatkan prestasi paling baik di Asia.



NOR MOHAMED YACOP

Majalah itu memberikan anugerah 'Gabenor Pusat Terbaik Di Asia' kepada YV Reddy dari India.

Menurut majalah tersebut, kedua-dua anugerah itu adalah berdasarkan

kepada pencalonan daripada bank-bank pelaburan dan penganalisis.

"Negara tersebut, yang pernah dikritik kerana pendirian kontroversinya kepada pelaburan asing, kini merupakan satu daripada negara yang mencatatkan prestasi terbaik di Asia."

Pada suku kedua, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 8.0 peratus, yang terpantas sejak 2000.

"Kebanyakannya adalah hasil usaha daripada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kewangan Kedua, Nor Mohamed Yacop," kata majalah itu.

Nor Mohamed memberitahu *Bernama* di sini, ma-

jalah itu memberikan anugerah tersebut kerana Malaysia mempunyai dasar dan pengurusan ekonomi yang sangat berhemat.

"Mereka begitu kagum apabila kita berjaya mengurangkan defisit fiskal kita kepada 5.6 peratus pada tahun 2002, kepada 5.3 peratus pada tahun 2003, tahun ini kepada 4.5 peratus, manakala tahun depan sasaran kita adalah pada 3.8 peratus.

"Kita mahu mengurangkan defisit kita kepada sifar, tetapi kita tidak mahu menguncupkan ekonomi. Kita mahukan pertumbuhan dan disiplin. Kita komited kepada pengurangan defisit secara perlahan-lahan," katanya.

Semasa Abdullah mengambil alih jawatan Perdana Menteri beliau tidak

membuat 'Perubahan Hala', mendadak sebalik nya meneruskan Wawasan 2020, dasar kerajaan yang mesra perniagaan dan perdagangan serta meneruskan liberalisasi.

"Ahli perniagaan sukakan kesinambungan," katanya.

Langkah-langkah lain yang diambil termasuklah mengurangkan kos dan masa menjalankan perniagaan serta bagi mendapatkan kelulusan, katanya.

"Pelabur-pelabur asing juga suka dengan kestabilan dalam politik dan ekonomi kita, undang-undang kita, prasarana yang baik, golongan muda yang berpendidikan yang menjadikannya kondusif bagi perniagaan," katanya. — *Bernama*